

RIMBA KUTIA
Cutia

FAMILI: Timaliidae
NAMA SAINTIFIK: *Cutia nipalensis*



CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa sub-spesies *C.n.cervinocrissa* mempunyai bahagian bulu yang lebih gelap dengan bahagian atas badan berwarna kuning langsung kemerahan manakala bahagian sisi badan dan bawah tongkeng berwarna kuning pucat. Individu betina dewasa menyerupai individu jantan dewasa tetapi bahagian atas belakang, belakang dan bahagian atas pangkal sayap berwarna coklat kehijauan dengan jalur-jalur hitam yang lebar manakala bahagian sisi kepala berwarna coklat gelap. Individu juvenil mempunyai bahagian bulu yang lebih pudar berbanding individu dewasa serta dengan jalur-jalur gelap yang kurang jelas serta bahagian mahkota kepala yang berwarna coklat. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 17.0-19.5 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri buah-buahan yang bersaiz kecil, biji-bijian dan nektar.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, hutan pertengahan serta di kawasan pokok Pine, pada ketinggian di antara 1,200 hingga 2,500 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang pelbagai, bergantung kepada kawasan di mana ia dijumpai. Di Semenanjung Malaysia, ia mengeluarkan bunyi yang bersambung dengan nada yang tinggi *yeet-yeet, yeet-yit-yit* dan *yeet-u yeet-u yeet-yeet yeet-u* ketika dalam keadaan terancam.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Mac hingga Jun di mana sarang dibina berbentuk seperti cawan yang terbuka pada bahagian cabang pokok dan dahan kayu, pada ketinggian di antara 3.0-3.6 m dari paras tanah. Ciri-ciri yang lain bagi spesies ini belum didokumentasi sepenuhnya.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.